



Usaha Dr Mahathir menjadikan Malaysia negara pelbagai kaum dan agama hidup aman di bawah satu bumbung menjadi kebanggaan rakyat. Kita hidup senang dalam persekitaran aman di bawah pentadbirannya tetapi masih ada antara kita yang bersikap sambil lewa, terutama golongan muda hari ini yang tidak pernah bersusah payah

Ketua Wanita MCA,
Datuk Dr Ng Yen Yen

Keadaan sekarang dah senang. Tetapi manusia dah lupa. Itu yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad katakan Melayu mudah lupa... orang Umno pun mudah lupa

Pengerusi Tetap
Pergerakan Wanita Umno,
Tan Sri Aishah Ghani

Oleh Faiza Zainudin

SUNGAI PETANI: Walaupun jarang berjumpa dan sekadar kerap berhubung melalui telefon sahaja, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang bapa saudara yang prihatin dan mengambil berat mengenai hal kekeluargaan terutama soal sakit pening.

Roseniah Mashahor, 47, berkata pakkiknya yang dipanggil dengan nama manja di kalangan anak saudara sebagai 'Bang Det' dan 'Tok Det' bagi mereka yang berpangkat cucu, amat mengambil berat mengenai kesihatan mereka walaupun sibuk dan sering berada di luar negara.

"Beliau sering menghubungi kami dan keprihatinan Bang Det menyebabkan kami merasa segan dan terharu untuk mengadu.

"Ini kerana beliau akan bertanya lanjut sama ada kami sudah berjumpa doktor, mendapat khidmat doktor mana, sudah ambil ubat itu dan ini, sehinggakan Allahyarham bapa saya takut mengadu kerana bimbang ditanya banyak," kata Roseniah, anak keempat daripada tujuh beradik.

"Bang Det akan menelefon bertanya khabar atau meluahkan masa menengok kami dengan berkumpul di rumah kakak, Datin Yasmin di Alor Star.

"Di sana, makcik saya iaitu kakak Bang Det, Rafeah, 89, Habsah, 87, Allahyarham bapa saya, Mashahor, emak saya, Fatimah Sham Ahmad, 74, anak saudara dan cucu cicit berkumpul berjumpa beliau khususnya pada hari raya.

"Sungguhpun beliau pakkik kami tetapi kami sedar beliau hak rakyat dan sibuk dengan urusan mentadbir negara.

"Kami hanya mampu melihatnya di televisyen sahaja dan sentiasa berdoa semoga beliau dilindungi Allah daripada perkara yang tidak baik," katanya.

Roseniah yang mempunyai tiga anak dan tinggal bersama ibunya, di sini, berkata sikap penyayang dan ambil berat

SURIA HASSAN, peniaga di Pekan Rabu Alor Star menunjukkan dodol yang menjadi kegemaran Dr Mahathir. - Gambar oleh Rahmat Othman



Bapa saudara prihatin

BH 31/10/2003 - 38 PRECISE

Bang Det itu bukan sahaja ditumpahkan kepada sanak saudara malah kepada rakan lain.

Beliau berkata, sekiranya pakkiknya itu mengetahui ada di kalangan mereka sakit, beliau akan cuba pulang dan meluahkan masa walaupun tidak lama ataupun sekurang-kurangnya menghu-

bungu menerusi telefon.

"Seperti ketika Allahyarham bapa saya yang tidak sihat sebelum meninggal dunia tahun lalu, Bang Det amat bimbang dan sering bertanya khabar.

"Apabila bapa sakit dan dimasukkan ke Pusat Pakar Utara, di Alor Star empat tahun lalu, Bang Det dan isteri turun

menjenguk kami semua," katanya.

Roseniah, bekas kakitangan bank berkata, bapa saudaranya itu amat rapat dengan Allahyarham bapa sejak kecil, mungkin disebabkan jarak umur yang dekat iaitu dua tahun.

"Oleh itu, kematian ayah meninggalkan kesan mendalam dan beliau amat sedih.

Kini, hanya tinggal Bang Det dan dua kakaknya, yang lain sudah tiada, di situlah tempat beliau menumpang kasih," katanya.

Roseniah berkata, sungguhpun beliau dan sepupunya yang lain amat mesra dan rapat dengan Dr Mahathir, mereka tidak berani bertanya soal politik apabila berjumpa.

"Hubungan kami tetap terpelihara atas batas hubungan kekeluargaan dengan tidak mencampur adukkan soal kerjaya.

"Apabila berpeluang berjumpa sama ada di kediaman rasmi Bang Det di Putrajaya atau rumah sendiri di Mines, Seri Kembangan, kami banyak habiskan masa dengan bertanya khabar.

"Kami takut bertanya soal politik atau apa sanaja berkaitan kerjayanya sebagai PM. Kalau beliau jegil mata, sudah cukup membuatkan kami takut dan tidak selesa," katanya.

Sebab itu, katanya, apabila Dr Mahathir mengumumkan hasrat untuk bersara pada perhimpunan Umno, tahun lalu, kami di rumah yang menonton televisyen, terkejut dan menangis.

"Kami semua pakat teriak (menangis) dan sedih, namun pada masa sama, kami hormat keputusan itu yang sudah pastinya dibuatnya dengan penuh teliti," katanya.

Beliau berkata, ramai yang tidak mengenali pakkiknya secara dekat, pasti menganggap beliau seorang yang serius dan tegas dalam semua aspek.

"Sebenarnya beliau seorang yang suka melawak dan manja dengan cucu-cicitnya. Sikapnya juga amat menyamai Allahyarham bapa, penyayang dan mudah mesra menyebabkan kehilangan Allahyarham tidak dirasai sangat," katanya.

Roseniah berkata, sebab itu apabila ada pihak yang tidak senang hati dan benci kepada pak ciknya, beliau sekeluarga amat sedih.

"Beliau seorang yang jujur dan mahu buat yang terbaik untuk rakyat khususnya untuk Bumiputera.

"Bang Det banyak membantu rakyat selama ini dan sumbangan beliau itu amat tidak ternilai. Hanya anggota keluarga terdekat yang memahami perasaan beliau yang begitu komited dengan kerjaya melebihi tanggungjawab beliau sebagai anggota keluarga.

"Kami kesian dengannya yang bekerja kuat dan hanya mampu berdoa semoga kesihatannya sentiasa berada dalam keadaan baik," katanya.

Roseniah berkata, semangat ingin membantu dan mahu memajukan rakyat bukan saja ditunjukkan oleh pakkiknya seorang, malah sudah menjadi darah daging keluarga mereka bermula dari arwah datuk, nenek dan moyangnya.

"Nenek saya, Wan Mas Tempawan Wan Hanafi sering memasak nasi berkawah-kawah setiap hari di rumahnya di Lorong Kilang Ais, Alor Star bagi menjamu orang susah dan kelaparan.

"Datuk, Mohamad Iskandar yang juga guru besar Melayu pertama mengajar bahasa Inggeris di Kolej Sultan Abdul Hamid amat dihormati kerana sumbangannya memajukan pendidikan bangsa Melayu.

"Begitu juga dengan arwah moyang dan bapa saya yang terabit dalam kerja kebajikan sehingga pemergiannya ke Rahmatullah amat dirasai dan ditangihi masyarakat pelbagai kaum," katanya.

Roseniah berkata, sumbangan mereka bukan kerana untuk mengejar kekayaan tetapi atas kesedaran memajukan bangsa supaya tidak ditindas penjajah.

"Wang ringgit bukan segalanya, tetapi pakkik akan berasa puas apabila rakyat di negara ini maju setanding rakyat negara maju lain tanpa mengetepikan akar umbi bangsa," katanya.